

Headline **Bergerak dalam senyap cari penerima darah HIV**
Date **21 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **27**
Article Size **254 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **7,194**
PRValue **21,582**



Bergerak dalam senyap cari penerima darah HIV

Oleh Hassan Omar
hassanomar@bharian.com.my

PAGI itu, kira-kira jam 10 sekitar awal Februari 2000, pejabat Berita Harian di Kompleks Alor Setar didatangi seorang lelaki Sikh. Dia mencari sahabatnya, Sharanjit Singh, wartawan *New Straits Times* (NST) yang sepejabat dengan *Berita Harian*. Selepas lima minit berbual dengan lelaki Sikh itu, Sharanjit mengajak saya ke sebuah kampung di Jitra.

Maklumat disampaikan itu ialah seorang wanita yang keguguran menerima pemindahan darah yang sudah dicemari virus HIV di Hospital Jitra. Tanpa banyak soal, saya memaklukkannya kepada Ketua Biro Berita Harian ketika itu, Ahmad Zaini Kamaruzzaman, yang bersetuju dengan pesanan khas... 'bergerak secara senyap, jangan ada sesiapa terutama media lain yang tahu mengenainya.'

Berdesup kereta saya mengaum membelah Lebuhraya Utara-Selatan dari Alor Setar ke Jitra. Tidak sampai 20 minit kami sudah menjejakan kaki di pekan Kepala Batas, Jitra.

Niat kami tiada lain kecuali ingin membantu membela nasib wanita terbabit. Selepas melalui jalan sempit yang hampir-hampir menyebabkan kereta saya terhumban ke bendang, kami akhirnya menemui wanita terbabit, berusia 40 tahun tetapi tampak pucat.

Saya dan Sharanjit menjelaskan tujuan kami. Perlahan-lahan genangan air di kelopak mata mak cik itu membasahi pipinya. Cerah dunia baginya bagaikan sudah bertukar gelap gelita. Kebahagiaan hidup bersama suami dan empat anak seolah-olah direntap sepasang tangan yang memindah-

kan darah mengandungi virus HIV ke tubuhnya. Setengah jam kemudian suaminya pulang membawa jagung untuk diberikan kepada ayam peliharaan.

"Saya tumpah darah banyak. Suami bawa saya ke Hospital Jitra. Doktor beritahu saya mesti dimasukkan darah. Doktor perempuan bagi masuk dua plastik darah. Lepas tiga hari, saya pun balik rumah. Sebulan kemudian, doktor Hospital Alor Setar telefon suruh saya ke hospital.

"Mak cik pergi sendirian dijemput ambulans. Mereka minta saya masuk bilik mesyuarat. Dalam bilik itu ada lima doktor. Seorang doktor minta maaf sebab darah yang dimasukkan ke dalam badan mak cik ada HIV.

"Saya minta mereka telefon suami. Sejam lepas itu, suami saya datang. Dia terkejut. Walaupun kami tak sekolah tinggi, kami tahu HIV tu boleh bawa maut," jelasnya sambil menyeka air mata.

Selepas mendengar penjelasan lanjut daripada suami wanita terbabit, saya memberitahu mereka kami akan membantu dengan menulis berita mengenainya.

Kami kembali ke pejabat tetapi belum mampu menulis mengenainya kerana perlu mendapatkan penjelasan Jabatan Kesihatan Kedah dan Hospital Jitra serta Hospital Alor Setar. Sharanjit segera menghubungi seorang peguam yang mengarahkan Sharanjit supaya meminta wanita terbabit membuat laporan polis.

Kira-kira jam 8 malam, sekali lagi kami ke rumah wanita terbabit. Mak cik itu kemudian menyerahkan draf laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu, Jitra. Kami membawa

pasangan yang bernasib malang itu ke IPD Kubang Pasu. Seorang anggota polis berpangkat Sarjan berulang kali membaca draf berkenaan seolah-olah kurang percaya mak cik itu mampu menghasilkan draf seumpama itu. Berulang kali dia bertanya siapa kami sebenarnya. Namun dari riak wajahnya, dia mungkin berfikir kami peguam yang mewakili wanita terbabit.

Keesokannya, kami membuat susulan bertemu Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah. Pegawai itu dengan penuh kesal menjelaskan bahawa nasi sudah menjadi bubur. Yang penting ialah rawatan segera

harus diteruskan. Maka bermulalah episod eksklusif *Berita Harian* dan *NST* mengenai kisah penderitaan wanita terbabit bukan setakat sehari, malah tiga hari berturut-turut. Ketika itu setiap pergerakan kami seolah-olah ejen rahsia yang tidak boleh diketahui wartawan media lain.

Kami membawa pasangan suami isteri itu bertemu peguam yang sanggup datang dari Pulau Pinang semata-mata ingin membantu wanita terbabit. Mereka memfailkan saman bernilai jutaan ringgit terhadap Kementerian Kesihatan.

Bermula dari detik penderitaan mak cik itu terpampang di dada *Berita Harian* dan *NST* (yang kemudian di dada akhbar lain yang menyusul seminggu selepas itu), wanita berkenaan diberikan rawatan kelas pertama di Hospital Alor Setar.

Dengan hak dan ketentuan Allah SWT serta rawatan berterusan yang diberikan kepada wanita terbabit, Alhamdulillah beliau masih mampu menghirup udara nyaman di bendang kampung itu hingga kini.